

Headline	Rumah mampu milik bawah RM300,000		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	69,985
Page No	23	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	508 cm <sup>2</sup>
Journalist	Junita Mat Rasid,	AdValue	RM 17,511
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,534



# Rumah mampu milik bawah RM300,000

Paras harga sesuai ambil kira taraf ekonomi penduduk kian meningkat

Oleh Junita Mat Rasid,  
Rohaniza Idris, Mahanum  
Abdul Aziz dan  
Nasuba Badrul Huzaini  
bhbz@bh.com.my

**K**eraajaan menegaskan bahawa harga rumah mampu milik di negara ini adalah di bawah RM300,000.

Paras itu dianggap sesuai dengan mengambil kira taraf ekonomi penduduk yang semakin meningkat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata garis panduan kementerian menetapkan harga rumah mampu milik adalah di bawah RM300,000.

"Justeru, jika harga rumah yang dijual melebihi paras berkenaan, ia tidak lagi dianggap rumah mampu milik."

"Kediaman berharga antara RM300,000 hingga RM500,000 adalah untuk golongan M40," kata ny ketika ditemui selepas majlis pelancaran program Kempen Pemilikan Rumah (HOC) 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis itu dirasmikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed. Yang turut hadir, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah dan Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Ir Soam Heng Choon.



**Dr Mahathir bersama Pengarah Urusan Kumpulan Mah Sing, Tan Sri Leong Hoy Kum (kiri) melihat replika bangunan Mah Sing selepas majlis pelancaran program HOC 2019 di Kuala Lumpur, semalam.**

Mengulas mengenai HOC 2019, Zuraida berkata, lebih 20,000 unit rumah dengan nilai RM12.5 bilion ditawarkan sepanjang kempen itu.

**Sambutan memberangsangkan**  
Beliau berkata, sambutan yang diterima pada hari pertama kempen itu adalah amat memberangsangkan terutama daripada golongan berumur di antara 30 hingga 45 tahun.

"Sebanyak 51 pemaju hartanah mengambil bahagian dalam kempen ini dan harga rumah yang ditawarkan adalah setinggi sehingga RM1 juta.

"Kementerian akan mempertimbangkan untuk melanjutkan kempen ini jika ia terus menerima sambutan baik daripada pembeli," katanya.

HOC dianjurkan sebagai antara komitmen kerajaan untuk memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki selaras dengan Dasar Perumahan Negara yang dilancarkan pada 28 Januari lalu.

Selain REHDA, rakan strategik kementerian yang juga terbabit dalam pengajuran HOC termasuk PRIMA, Permodalan Nasional Bhd (PNB), Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) dan UDA Holdings Bhd (UDA).

Konsep dan pengisian pelaksanaan HOC membabitkan pameran dan jualan harta tanah yang dibahagikan kepada tiga segmen iaitu rumah berharga di bawah RM300,000; RM300,000 hingga RM500,000 dan RM500,000 ke atas.

Ia juga menawarkan khidmat nasihat perumahan daripada agensi kerajaan dan institusi kewangan yang berkaitan; klinik harta tanah, klinik pengurusan kewangan berkaitan harta tanah, seminar hak pembeli rumah dan lain-lain program ilmiah yang berkaitan industri harta tanah dan aktiviti mesra keluarga bagi menjadikan HOC sebagai sebuah program yang sesuai untuk seisi keluarga.

Terdapat pelbagai tawaran dan insentif menanti pengunjung dan pembeli rumah sepanjang pengajuran HOC termasuklah rebat 10 peratus daripada pemaju, pengecualian duti setem, kemudahan pinjam pada kadar yang menarik dan tambahan rebat sebanyak RM2000 daripada REHDA untuk 100 pembeli terpilih.